

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 JANUARY 2017

Ekonomi negara mampu kekal teguh - Najib

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 24 JAN.

MALAYSIA tidak perlu khuatir mengenai keadaan ekonomi negara sekiranya Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) tidak menjadi kenyataan selepas penarikan diri Amerika Syarikat (AS) daripada perjanjian itu, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, meskipun tanpa TPPA, ekonomi negara mampu kekal teguh, dinamik dan penuh dengan potensi serta peluang bersama rakan dagang sedia ada.

Walau bagaimanapun, jelasnya, Malaysia bersama 10 negara lain yang menganggotai TPPA akan mengadakan mesyuarat bagi membincangkan hala tuju dan langkah selanjutnya memandangkan perjanjian tersebut diyakini mampu memberi manfaat bukan sahaja kepada semua negara terlibat.

“Setakat ini, Malaysia mempunyai hubungan dua hala yang kukuh bersama negara-negara seperti China dan Jepun. Malah kita menjangkakan nilai dagangan tahun ini antara Malaysia

Setakat ini, Malaysia mempunyai hubungan dua hala yang kukuh bersama negara-negara seperti China dan Jepun. Malah kita menjangkakan nilai dagangan tahun ini antara Malaysia dan China akan mencecah AS\$100 bilion (RM443.50 bilion).”

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

dan China akan mencecah AS\$100 bilion (RM443.50 bilion).

“Kita juga merupakan anggota Perjanjian Perdagangan Bebas Serantau ASEAN serta mempunyai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua hala bersama negara-negara seperti India, New Zealand dan Australia.

“Pada masa sama, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga sedang mengkaji usaha bagi

um-25/1/2017
mewujudkan FTA dua hala bersama beberapa anggota TPPA,” katanya menerusi blog *najibrazak.com*, hari ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga akan meneruskan usaha memuktamadkan Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang melibatkan China dan India dengan pasaran pengguna yang jauh lebih besar berbanding TPPA.

“Insya-Allah, saya yakin melalui langkah-langkah ini dan usaha-usaha lain yang dijalankan, ekonomi kita terutama berkaitan perdagangan dan pelaburan asing akan terus mampan dan berdaya saing. Malaysia kekal terbuka untuk perniagaan,” katanya.

Menurut Najib, kerajaan sentiasa memantau dengan teliti setiap polisi dan dasar hubungan antarabangsa dengan mana-mana negara seandainya berlaku sebarang perubahan kuasa di tampuk pemerintahan mereka.

Beliau berkata, langkah-langkah proaktif akan diambil dalam menyesuaikan berdasarkan sebarang perubahan yang berlaku, selain meningkatkan usaha bagi memastikan hubungan dua hala kekal kukuh.